

**NO. SOALAN : 87**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE  
[ GOPENG ]**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ] minta PERDANA MENTERI  
menyatakan jumlah peserta di setiap rancangan FELDA**

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peneroka bagi keseluruhan sebanyak 317 tanah rancangan adalah seramai **112,635 orang**. Bilangan peneroka mengikut Wilayah FELDA adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Wilayah</b>	<b>Jumlah Peneroka</b>
1.	Kuantan	15,050
2.	Jengka	14,957
3.	Mempaga	13,118
4.	Raja Alias	16,434
5.	Segamat	11,419
6.	Terengganu	7,459
7.	Alor Setar	4,042
8.	Trolak	7,843
9.	Sahabat	1,647
10.	Johor Bahru	17,551
11.	Gua Musang	3,115
<b>JUMLAH</b>		<b>112,635</b>

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 88 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. LEE BOON CHYE  
[ GOPENG ]**

**SOALAN :-**

**YB. Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah pinjaman yang diberikan oleh setiap institusi bukan bank.**

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertanggungjawab untuk mengawalselia dan memantau syarikat-syarikat pemberi pinjam wang (PPW) yang dilesenkan di bawah Kementerian ini sahaja tidak termasuk koperasi dan aktiviti melibatkan Ar-Rahnu.

Bagi tahun 2015, sebanyak RM2,116,034,882.00 jumlah pinjaman telah diberikan oleh PPW kepada 360,684 individu dan sebanyak RM611,034,656.00 jumlah pinjaman telah dikeluarkan oleh PPW kepada 560 syarikat. Jumlah ini hanya meliputi industri pinjaman wang yang dikawalselia oleh KPKT sahaja.

Maklumat untuk tahun 2016 masih diproses berikutan penyata transaksi syarikat PPW bagi tahun 2016 hanya dikemukakan kepada KPKT sebelum 1 Februari 2017 selaras dengan Peraturan 16, Peraturan-Peraturan

Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003, Akta Pemberi  
Pinjam Wang 1951.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL  
[ KANGAR ]**

**SOALAN :-**

**YB. Ir. Shaharuddin Bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah kos penyelenggaraan yang disediakan secara berperingkat dan apakah langkah yang diambil dalam meningkatkan lagi prasarana-prasarana awam seperti masalah surau yang tidak diselenggara serta kawasan taman permainan yang terbiar.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan Jabatan Lanskap Negara (JLN) ada melaksanakan projek-projek infrastruktur, kemudahan awam, sosio ekonomi dan Projek Pembangunan Taman Awam di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang melibatkan **skop membina baharu atau menaiktaraf** dengan pecahan seperti berikut:

### **i. Projek-Projek Infrastruktur**

Terdiri daripada projek-projek membina baharu dan menaiktaraf jalan, parit/longkang, lorong belakang, laluan pejalan kaki serta lampu-lampu jalan/simpang dan lain-lain.

ii. **Projek–Projek Kemudahan Awam**

Pelaksanaan projek-projek seperti membina baharu dan menaiktaraf dewan serbaguna, dewan orang ramai, balai raya, gelanggang sukan, stesen bas dan teksi, tandas awam dan perhentian bas dan lain-lain.

iii. **Projek Sosio-Ekonomi**

Pelaksanaan projek-projek seperti membina baharu dan menaiktaraf arked/bazaar, medan selera, tapak pasar tani, pasar dan kompleks perniagaan dan lain-lain.

iv. **Projek Pembangunan Taman Awam**

Pelaksanaan Projek Pembangunan Taman Awam meliputi perancangan, rekabentuk dan penyediaan komponen ataupun struktur taman awam. Taman permainan merupakan salah satu komponen yang biasa terdapat dalam pembangunan taman awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, permohonan sesebuah projek boleh dikemukakan untuk pertimbangan Kementerian. Setelah projek siap dilaksanakan, ianya akan diserahkan kepada PBT/JMB/MC atau pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dan penyelenggaraan projek



tersebut. Pada tahun 2016 sebanyak RM392.70 juta telah diluluskan untuk pelaksanaan projek-projek di kawasan PBT dan kampung tradisional (Peruntukan BP.1: Menaiktaraf dan Membina Baharu). Skop penyelenggaraan sesuatu prasarana awam tidak termasuk di bawah bidang kuasa JKT.

Bagi surau pula, diwartakan sebagai rumah ibadat di peringkat Kerajaan Negeri dan diurus tadbir dan diselenggara oleh Jabatan Agama Islam Negeri.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017

**SOALAN ( 90 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL  
[ KANGAR ]**

**SOALAN :-**

**YB. Ir. Shaharuddin Bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah terdapat pembinaan perumahan KPKT yang diperuntukkan melalui Negeri, sekiranya ada berapakah unit rumah KPKT yang dibina di Perlis melalui peruntukan tersebut dan senaraikan berapa jumlah bagi setiap kawasan parlimen.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 20 Februari 2017, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membina sebanyak 1,428 unit rumah di bawah 3 Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Perlis. Projek-projek tersebut ialah PPR Bintang III Kangar sebanyak 748 unit, PPR Sena, Kangar sebanyak 480 unit dan PPR Kuala Perlis sebanyak 200 unit.

<b>Bil.</b>	<b>Projek</b>	<b>Parlimen</b>	<b>Bil. Unit</b>
1.	PPR Bintang III	Kangar	748
2.	PPR Sena	Kangar	480
3.	PPR Kuala Perlis	Kangar	200
<b>Jumlah</b>			<b>1,428</b>

KPKT akan memohon peruntukan pembangunan sebanyak RM54.0 juta bagi pembinaan 400 unit rumah PPR di Arau Perlis di bawah *Rolling Plan* Ke-3 (RP3), Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), tahun 2018.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017